

Cetakan Konvensional Dan Alternatif Sebagai Medium Komunikasi Visual Dalam Seni Tampak Malaysia

Mohd Fawazie Arshad, Mohammad Khizal Saat & Safrizal Shahir

Pusat Pengajian Seni,
Universiti Sains Malaysia

Email of corresponding author: fawazie@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik penggunaan kaedah seni cetakan konvensional dan alternatif pada masa kini yang berperanan sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan sesuatu makna. Penggunaan media cetakan bukan sahaja terhad kepada medium ekspresif seni halus tetapi sebagai alat komunikasi dalam penyampaian sesuatu maklumat berbentuk visual. Dalam penulisan ini akan membincangkan secara ilmiah bagaimana aspek formalistik, teknik, dan interpretasi visual karya yang dihasilkan ini menjadi batu loncatan sebagai medium yang terbaik bagi menyebarkan informasi komunikasi berbentuk visual kepada masyarakat. Penekanan pengkajian terhadap kaedah penghasilan dalam karya seni yang dirujuk seperti seni cetakan konvensional karya Katak Hendak Menjadi Lembu – Juhari Said, Kerana manusia Kembali ke manusia – Rizo Leong, Akal Di Mata Badut – Samsudin Wahab, Dan Bab 1 Tan – Sabihis Apandi. Manakala karya alternatif pula, karya yang dirujuk adalah Buka Tanah II – Mohd Faizal Suhif, Making Sense Can Sometimes Get Out Of Hand -Shahrul Jamili, Face Off Grey – Izan Tahir Dan M.o.U=Monument of Urbanisation – Hazrul Mazran akan dibincangkan secara terperinci untuk menjawab kepada keberkesanan seni cetakan sebagai medium komunikasi. Penggunaan kaedah diskriptif digunapakai bagi menjelaskan bagaimana melalui pengolahan karya ini membentuk sesuatu maksud. Menerusi penulisan ini akan membentuk satu dapatan yang menjurus kepada peranan penggunaan media cetakan sebagai salah satu bentuk komunikasi menerusi visual yang menterjemah isu-isu semasa yang diolah dengan mengambil kira bahan atau medium cetakan sebagai bahan utama dalam berkarya.

Kata kunci : Seni cetakan, konvensional, alternatif, komunikasi dan seni tampak

Pengenalan

Seni merupakan satu kemahiran dan kemampuan manusia dalam melakukan sesuatu dalam hubungannya dengan keupayaan untuk mencapai sesuatu tujuan. Selain itu seni juga adalah ekspresi manusia yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk karya seni sama ada berbentuk 2-dimensi ataupun 3-dimensi. Mengikut *Leo Tolstoy*, seni merupakan kegiatan sedar manusia untuk menyampaikan emosi atau suasana hati. Manakala menurut *Feldmen (1967)*, seni adalah alat komunikasi yang terbahagi kepada dua iaitu seni merupakan alat komunikasi ekspresi individu dan juga seni sebagai alat komunikasi ekspresi sosial.

Kajian ini dilakukan bagi menyelidik bagaimana dan peranan seni cetakan sebagai medium komunikasi kepada masyarakat pada masa kini. Pengkarya seni cetakan kini menjadikan isu-isu semasa seperti isu politik, provokasi, emosi peribadi serta hal berkaitan dengan pengalaman hidup sebagai idea dalam menghasilkan karya cetakan. Jika dilihat daripada sejarah kewujudan cetakan di dunia mengikut kajian yang dilakukan oleh Aminuddin T.H Siregar dalam catatannya menyatakan bahawa seni cetakan pada mulanya bukanlah dikategorikan sebagai karya seni tetapi diertikan sebagai medium komunikasi di mana kegunaan cetakan hanya untuk penyebaran maklumat dan penyalinan kitab-kitab keagamaan. Pendapat ini sebulat suara dengan kajian yang telah dibuat oleh Mohd Jamil Mat Isa (2008) yang menyatakan pada awalan dahulu seni cetakan belum dimasukkan dalam karya seni (*art form*) dan ia hanya sekadar media komunikasi sehinggalah pada abad ke 18 yang mana barat

mengiktiraf seni cetakan sebagai sebuah karya seni. Jika diikutkan penemuan yang telah dijumpai oleh 'The Schoyen Collection – Manuscripts from around the world Spanning 500 years of human culture & civilisation', menyatakan teknologi percetakan telah wujud sejak zaman Babylon lagi dengan penemuan 'Brick From The Towel Of Babel' yang dijangka dihasilkan sekitar 604 – 562 BC. Penemuan cetakan menggunakan sejenis alat yang berbentuk silinder dicetak diatas kepingan tanah liat yang lembik bersaiz 33x33x9cm yang dikenali sebagai 'Cuneiform' dan cetakan yang mempunyai 7 baris (*script blindprinted*) bersaiz 11 x15cm.



Gambar foto: Brick From The Towel of Babel 604-562 BC

Selain penemuan yang telah direkodkan oleh *The Schoyen Collection – Manuscripts from around the world Spanning 500 years of human culture & civilisation* terdapat juga kaedah cetakan yang sama telah dijumpai dalam masyarakat sumeria berdasarkan catatan S.W Hayter (1996) dan dalam masyarakat Assyrian Mesopotamian hasil kajian John Dawson (2003). Ketiga-tiga penemuan yang direkodkan ini mempunyai matlamat yang sama iaitu merekodkan segala maklumat berkaitan kehidupan seharian, keagamaan dan upacara ritual. Dengan kaedah cetakan ini mereka boleh menyebarkan dan mendokumentasikan segala maklumatutuk kegunaan pada masa mendatang.

Dengan perkembangan teknologi semasa, cina telah menemui satu kaedah hasil daripada inovasi mereka dengan menukar penghasilan cetakan ke atas tanah liat kepada cetakan ke atas kertas. Kaedah ini bersifat dua dimensi dan lebih mudah kegunaannya samada dari segi dokumentasi ataupun penyebaran kepada masyarakat. Mengikut Aminudin T.H Siregar (2011:101) cina telah menghasilkan cetakan atas kertas sekitar abad ke-5 dengan menghasilkan ornament tekstil dan kitab berisi doa sang Bhudda (ayat suci Bhudda) untuk disebarkan kepada masyarakat dengan menggunakan teknik cetakan kayu untuk membuat salinan tersebut. Kenyataan ini senada dengan catatan yang telah dikemukakan oleh Charles S. Terry (1963) yang menyatakan sejarah *Diamond Sutra* yang menggunakan teknik cetakan kayu sebagai sejarah kepada cetakan dunia. Pada ketika ini, cetakan belum lagi dimasukkan dalam kategori seni. Cetakan sekadar alat untuk menyebarkan maklumat dan juga ajaran agama budha.

Gambaran Seni Cetakan Malaysia

Sejarah seni cetakan Malaysia hanya berlaku sekitar tahun 1940an di mana seni cetakan dibawa masuk dari Singapura melalui Akademi Nanyang. Pada masa ini, penggunaan cetakan potongan kayu digunakan dalam menghasilkan karya cetakan. Imej-imej pada masa ini banyak merakamkan tentang keindahan dan juga aktiviti masyarakat setempat. Senario landskap seni Malaysia mulai berubah pada era pluralis bermula sekitar 1990an. Menurut Mulyadi Mahmood (2001) era pluralis merupakan era perubahan kepada kepelbagaian stail, pendekatan dan makna yang lebih membawa maksud kepada memberi satu persepsi baharu dalam seni tradisi dengan memberi kebebasan bagi mengembangkan idea, penggunaan bahan



dan medium dalam menghasilkan karya seni. Daripada keterangan ini jelas bahawa seni cetakan telah melalui dua fasa iaitu pada mulanya sekitar 1940an seni cetakan lebih tertumpu pada kaedah konvensional dan selepas berlaku transformasi pada tahun 1990 kepada seni Malaysia, seni cetakan juga telah mendapat tempasnya di mana cetakan Alternatif telah bertapak secara rasminya dalam dunia seni cetakan Malaysia sehingga sekarang. Keadaan ini boleh dilihat dengan berlakunya beberapa pameran alternatif seperti *'Alternative Printmaking'* 1995, Pameran Okir (2007), *'Go Block'* 2009, Pameran Samudra (2009), Pameran PAIP (2010) dan Pameran *'Down of Extended Printmaking'* (2016).

Jika dilihat daripada kajian yang di buat melalui pengumpulan data karya seni cetakan daripada koleksi tetap Balai Seni Visual Negara mendapati seni cetakan pada sebelum berlakunya era pluralis, kebanyakan karya bersifat 2-dimensi yang mengamalkan seni cetakan konvensional yang terdiri daripada seni cetakan timbul, cetakan benam, cetakan sutera saring dan cetakan mono. Imej – imej yang digarapkan atau digunakan lebih tertumpu pada gambaran kehidupan seharian dan juga landskap negara. Selepas 1990 iaitu era pluralis, dengan menggunakan definisi cetakan iaitu 'pemindahan dari blok ke permukaan lain' pengkarya-pengkarya telah menggunakan definisi ini sebagai tapak dalam kreativiti mereka melahirkan karya cetakan tanpa bergantung kepada permukaan kertas. Penggunaan subjek atau penghasilan karya pada ketika ini lebih mengutamakan idea yang hendak disampaikan kepada masyarakat. Sejajar dengan kata Feldman (1967), apa yang pengkarya lakukan (karya seni) adalah sebagai alat komunikasi sama ada komunikasi itu bertujuan ekspresi individu atau ekspresi sosial.

Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, penggunaan kaedah *'multi-method'* digunapakai dalam mendapatkan maklumat kajian seperti mana saranan Bill Gillham (2000) menyatakan *"Data accumulated by different methods but bearing on the same issue are part of what is called the multimethod approach."* Pandangan hampir sama juga diutarakan oleh Carole Graf & Julian Malin (2004) *"...the case study attempts to present a complete picture, usually by the use of multiple research methods."* Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dari katalog pameran, buku dan keratan akhbar.

Kajian ini akan mengkaji bagaimana seni cetakan konvensional dan alternatif diklasifikasikan sebagai sebuah seni cetakan yang berperanan sebagai alat komunikasi. Mengikut Barnes (2003), penghasilan seni telah melayari pelbagai tujuan dalam masyarakat termasuklah dalam upacara pengebumian, sebagai monumen, untuk mencipta tempat-tempat suci, untuk menunjukkan kekayaan, untuk pembelajaran dan juga berperanan sebagai memberi kesenangan kepada masyarakat dan hasil daripada itu wujudlah slogan 'seni untuk seni'. Mengikut Barnes lagi, Slogan 'seni untuk seni' tidak lagi boleh diguna pakai kerana beliau berpendapat dalam berkarya wujudnya elemen-elemen peniruan, ekspresif, komposisi, gaya seni, abstrak dan pelbagai lagi yang telah menolak slogan 'seni untuk seni'. Oleh itu Barnes telah menggariskan empat klasifikasi karya seni seperti berikut.





Kategori seni mengikut Barnes (2003)			
Peniruan (mimesis)	Imaginasi (Making Visible the Invisible)	Keindahan (Estetik)	Mengkomunikasikan Sesuatu Gagasan Atau Pemikiran
Untuk memperagakan sesebuah realiti atau merakamkan apa yang dilihat.	Untuk menunjukkan imaginasi dalam penghasilan karya	Untuk menunjukkan tentang kecantikan	Untuk mengetengahkan idea atau luahan perasaan pengkarya
			
Pemandangan alam / landskap	Imej yang bersifat surealisme/abstrak	Menunjukkan Keindahan sifat	Idea, konsep-konsep, bertujuan komunikasi, misalnya informasi, keagamaan, politik, ideologi

Rajah 1: Pecahan Kategori Seni Mengikut Pandangan Barnes.

Perbincangan Seni

Dalam pengkajian ini lapan karya cetakan telah dipilih yang melibatkan lapan pelukis cetakan daripada pelbagai pameran cetakan untuk di analisa tentang tujuan penghasilan karya mereka dengan menggunakan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Barnes, 2003 (rajah 1). Daripada lapan karya cetakan yang telah dipilih, empat daripadanya adalah seni cetakan konvensional dan empat lagi adalah karya bersifat cetakan alternatif.

Perbincangan pertama: Karya Konvensional

	Artist	Nama karya	Karya	Klasifikasi Karya Mengikut Barnes (2003)			
				Peniruan	Imaginasi	Kecantikan	Komunikasi
1	Juhari Said	Katak Hendak Menjadi Lembu			/	/	/
2	Rizo Leong	Kerana manusia Kembali ke manusia			/	/	/
3	Samsudin Wahab	Akal Di Mata Badut			/	/	/
4	Sabihis Apandi	Bab 1 Tan			/	/	/

Rajah 2: Cetakan Konvensional





Berdasarkan rajah 2 di atas keempat-empat karya dia atas mengamalkan disiplin konvensional. Seperti kenyataan Syarifah Zubir (1982) cetakan Asli ialah proses penghasilan blok yang dilakukan sendiri oleh pengkarya seni cetakan. Manakala Carl Zigrosser (1968:73) menyatakan

“the key to the method of making a print lies in the creation of a master design on a suitable medium, such as a wood block or copper plate, which can be ink and printed to produce a quantity of similar prints. It is a device to produce the “ multiple image” – not one but many original”

(Carl Zigrosser,

1968:73) pertama yang telah dihasilkan oleh Juhari Said dengan tajuk ‘Katak Hendak Menjadi Lembu(1997)’ menggunakan media cetakan kayu merupakan satu karya berbentuk sindiran kepada masyarakat kini berdasarkan apa yang beliau nyatakan dalam buku akal di mata pisau *“Ini adalah satu perumpamaan yang barangkali bermaksud seekor kata kecil ingin menjadi lembu besar yang bertenaga dan diperlukan oleh manusia – samada untuk keperluan sebagai pekerja atau makanan”*. Penulisan ini jelas ingin menyatakan kepada masyarakat sekarang yang bercita-cita tinggi tanpa memikirkan kemampuannya. Bagi karya yang kedua pula hasil Rizo Leong bertajuk ‘Kerana Manusia Kembali Ke Manusia (2016)’ juga menggunakan media cetakan kayu telah dipamerkan dalam pameran ‘*Terap: Contemporary Malaysian Printmaking*’. Dalam karya ini penggunaan komposisi dengan menggabungkan unsur organik (pokok, manusia, banjir) dan geometrik (jentolak, *chainsaw*) menunjukkan karya ini sebuah karya protes terhadap kegiatan pembalakan yang berleluasa tanpa dikawal yang telah mengakibatkan kepada bencana kepada manusia dan negara. Manakala bagi karya ketiga yang dikaji ialah karya Samsudin Wahab bertajuk ‘Akal di Mata Badut (2008)’. Medium yang digunakan oleh samsudin wahab ialah ‘Polyfloor’ yang menceritakan tentang ketidakseriusan dalam melakukan sesuatu urusan. Pengkaya ini cuba menimbulkan provokasi terhadap sesetengah golongan yang tidak serius dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan hanya mengambil sambil lewa dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Untuk analisa terakhir karya konvensional ialah ‘Bab 1 Tan (2015)’ karya Sabihis menggunakan medium cetakan kayu keatas kertas menceritakan tentang karekter orang yang suka memburukan orang lain dengan membuat fitnah terhadap orang lain. Karya ini jelas menggambarkan provokasi terhadap golongan ini dengan menggambarkan karekter seorang lelaki bersama seekor khinzir yang diibaratkan pemfitnah seperti hidupnya sentiasa dihantui oleh dosa.

Perbincangan kedua: Karya Alternatif

	Artist	Nama karya	Karya	Klasifikasi Karya Mengikut Barnes (2003)			
				Peniruan	Imaginasi	Kecantikan	Komunikasi
1	Mohd Faizal Suhif	Buka Tanah II			/		/
2	Shahrul Jamili	Making Sense Can Sometimes Get Out Of Hand			/	/	/
3	Izan Tahir	Face Off Grey			/		/
4	Hazrul Mazran	M.o.U= Monument of Urbanisation			/		/

Rajah 3: Cetakan Alternatif

Karya pertama alternatif yang dihasilkan oleh Mohd Faizal Suhif bertajuk 'Buka Tanah II (2014)' merupakan hasil daripada kesan tekanan kanvas dari rekahan tanah yang dicampur dengan sentuhan warna menggunakan berus. Mesej yang ingin beliau ceritakan adalah tentang latar belakang dirinya yang berasal dari keluarga petani. Tanah juga merupakan simbolik kepada dirinya dimana berbicara tentang soal hati, keyakinan, ketaatan dan bagaimana setiap makhluk akan kembali kepada yang asal iaitu tanah. Karya kedua yang dihasilkan oleh Shahrul Jamili yang bertajuk 'Making Sense Can Sometimes Get Out Of Hand (2008)' menggunakan simen dan dituangkan dalam acuan yang berbentuk tangan menceritakan tentang sesuatu komunikasi atau arahan boleh dilakukan melalui isyarat tangan tanpa mengeluarkan suara. Bagi karya yang ketiga iaitu 'Face of Grey (2008)' karya Izan Tahir merupakan sebuah karya campuran *papier mache*, cetakan timbul di atas *silver foil*. Mesej yang ingin disampaikan oleh beliau ialah 'topeng merupakan identitinya di mana telah berlaku satu fasa transisi idea beliau dalam seni cetakan dari menghasilkan seni cetakan secara tradisional kepada seni cetakan alternatif'. Dan yang terakhir bagi karya alternatif ialah karya Hazrul Mazran yang bertajuk 'M.o.U = Monument of Urbanisation (2013)' merupakan cetakan simen hasil daripada acuan yang dibentuk. Karya ini merupakan karya pemenang dalam bakat muda 2013 yang menceritakan tentang kerakusan sesetengah manusia telah membawa bencana kepada negara.

Perbincangan dan kesimpulan

Kesemua karya yang dikaji telah dihasilkan sekitar 1999 sehingga 2016 dimana karya-karya ini berlaku selepas era pluralis. Merujuk kepada karya-karya di atas, hasil daripada kajian yang dibuat termasuk sesi temu bual dengan pengkarya mereka menghasilkan karya berdasarkan sesuatu idea yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Jika dilihat kepada karya Juhari Said, Rizo Liong, Samsudin Wahab, Sabihis Apandi dan Hazrul Mazran semuanya bersifat karya-karya bersifat komunikasi ekspresi individu seperti dikatakan oleh Feldmen (1967)

yang mana mereka meluahkan emosi ketidakpuasan hati mereka dalam bentuk karya dengan menggunakan simbol. Keadaan ini digambarkan dengan penggunaan subjek atau simbol-simbol yang digunakan dalam karya seperti penggunaan karikatur bagi menggambarkan seseorang, mesin atau teknologi dalam kerakusan, elemen manusia hidup dengan binatang dan juga teks.

Jika dilihat kepada *trend* seni cetakan di Malaysia ketika ini, pengkarya kini lebih menekankan kepada aspek komunikasi atau penghasilan karya melibatkan intelektual dan menggunakan kognitif dalam penghasilan karya berbanding menghasilkan karya yang bersifat peniruan (*mimesis*). Keadaan ini mungkin disebabkan pendapat Efland A.D (2002) dalam buku beliau 'Art and Cognition' menyatakan penghasilan karya melalui proses 'mimesis' dianggap rendah nilainya kerana kita hanya melihat kepada keindahan dan kecantikan sahaja berbanding dengan karya bersifat intelektual (elemen komunikasi) yang lebih mengajar masyarakat untuk berfikir dalam melihat sesebuah karya. Hal ini juga disebabkan pengkarya yang dikaji di atas merupakan pengkarya yang mendapat pendidikan secara khusus dalam bidang seni daripada institusi dalam dan luar negara yang lebih menekankan kepada penghasilan karya yang lebih bersifat intelektual berbanding penghasilan karya yang bersifat peniruan. Hal ini disebabkan bagi membezakan antara pelukis yang berintelektual dengan pembuat kraf dan produksi.

Bibliografi

- Feldmen, E.B. 1967. *Art as image and idea*, New Jersey: Prentice Hall. Inc.
- Barnes, Bernadine. (a) 2003. Art (artikel).
- Aminudin T.H. Siregar (2011), Kertas dalam Seni Rupa Modern.Jagat Kertas. Generasi 10 Bandung.
- Rahimie Harun. (2003) Menyusuri Kerjaya Kreatif Juhari Said. Dalam Buku Akal Di Mata Pisau. Kuala Lumpur: Malaysia Reinsurance Berhad.
- SAfrizal Shahir (2016) Aplikasi Teknik, Projeksi Tanda dan Mengutus Mesej: Terap: *Contemporary Malaysia Printmaking*. Dalam Katalog Terap: *Contemporary Malaysia Printmaking: Segaris Art Center*.
- Nadia Zawani Hussin (2016) Katalog 'Block By Block'. Galeri Chandan.
- Nasbahry Couto (2011) Memahami Klasifikasi Seni Dan Seni Rupa.
- Efland A.D (2002) *Art and Cognition*
- Fatin Aqilah.16 March 2014, Alam Inspirasi Faizal Suhif. Kosmo
<http://www.schoyencollection.com/pre-gutenberg-printing>
Temubual bersama Hazrul Mazran pada 28.9.2011